

ASEAN perlu bersatu hadapi globalisasi

31 SEP 2001

Daripada MOHD. NOR SAMAD

SINGAPURA 10 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu negara-negara ASEAN bersatu menghadapi dasar globalisasi tajaan Barat supaya ia tidak hanya menguntungkan dan mengayakan negara-negara maju sahaja.

Perdana Menteri berkata, mereka boleh melakukannya dengan memastikan rundingan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) mengenai syarat perdagangan yang akan datang tidak dijadikan alat oleh negara maju untuk mencapai matlamat tersebut.

"Apa yang menakutkan ialah terdapat perancangan daripada negara-negara maju untuk mengambil kesempatan sepenuhnya daripada WTO dan pasaran bebas tanpa sempadan," katanya.

Dr. Mahathir melahirkan kebimbangan ini dalam ucapannya selepas menerima Anugerah Pencapaian Milenium ASEAN daripada Forum Perdagangan ASEAN dalam majlis jamuan makan malam di sini malam ini.

Oleh sebab itu, kata Dr. Mahathir, ASEAN perlu mempunyai satu suara apabila rundingan mengenai peraturan

baru ekonomi dunia dalam WTO diadakan.

Beliau memberi contoh, tentang isu-isu bukan perdagangan seperti hak asasi manusia, amalan demokrasi dan buruh kanak-kanak kini dijadikan sebagai syarat untuk mengadakan perdagangan dan pelaburan.

Dibincangkan

Sambil mengakui pentingnya perkara tersebut, Perdana Menteri berkata, ia perlu dibincangkan dalam forum lain dan jika cadangan itu diterima ia boleh menjejaskan pertumbuhan pembangunan ekonomi negara-negara membangun.

Pada majlis itu yang dihadiri oleh lebih 600 tokoh perniagaan Malaysia dan Singapura, Dr. Mahathir menerima anugerah berkenaan daripada bekas Presiden Singapura, Dr. Wee Kim Wee.

Anugerah itu dibacakan kepada Perdana Menteri sebagai satu pengiktirafan daripada sektor swasta atas usahanya menjadikan Malaysia sebuah negara contoh dan dinamik.

Turut menerima anugerah itu ialah Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew.

Dalam ucapannya yang banyak mendedahkan tentang

kepincangan globalisasi, Dr. Mahathir berkata, ada sesetengah negara ASEAN percaya yang mereka boleh berhadapan dan mengaut faedah daripada dasar yang dibentuk mengikut tafsiran negara-negara maju itu.

"Tetapi mereka perlu meneliti setiap cadangan dan agenda WTO. Kita perlu tahu dengan lengkap dan tepat tentang kemungkinan dan bahaya yang dihadapi berhubung rejim ekonomi antarabangsa yang baru sebelum kita bersetuju dengan perbincangan pusingan baru WTO.

Perlu tahu

"Kita juga perlu tahu dengan jelas bagaimana negara-negara kaya patuh kepada perjanjian yang telah dicapai semasa rundingan pusingan pertama (WTO)," kata Dr. Mahathir.

Beliau mengingatkan negara-negara ASEAN supaya berwaspada tentang permainan Barat yang berselindung di sebalik dasar globalisasi itu yang hanya mahu mengayakan mereka dan memiskinkan negara-negara lain.

Dalam hal ini, beliau berkata, ASEAN akan menjadi sebuah pertubuhan yang berkesan sekiranya ia dapat menja-

ga kepentingan semua anggotanya.

Justeru, negara-negara ASEAN tidak boleh membenarkan kepentingan negara mengatasi pertubuhan dan rantau ini.

Lakukan

Apa yang perlu mereka lakukan ialah bersatu semasa membuat tuntutan dan konsensus tentang keperluan mengkaji semula perjanjian yang dicapai dalam rundingan pusingan pertama WTO.

Perdana Menteri juga mengingatkan bahawa krisis kewangan empat tahun lalu belum lagi berakhir.

Menurut beliau, krisis itu hanya dapat ditangani apabila sistem kewangan antarabangsa dirombak dan penyangak mata wang di sekat daripada menjalankan kegiatannya.

Dr. Mahathir juga berkata, pembangunan ekonomi merupakan faktor penting ke arah merealisasikan Wawasan 2020 ASEAN.

Oleh kerana itu ASEAN mesti melihat lebih banyak lagi kerjasama ekonomi di kalangan anggota diadakan termasuk mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA). — *Utusan*